

# Fungsi FAMA patut dikaji semula

UM 4 APR 2001

KUALA LUMPUR 3 April – Fungsi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) harus dikaji semula bagi membolehkan barangan keluaran pertanian dipasarkan di dalam dan luar negara secara lebih berkesan.

**Ahli Parlimen Temerloh, Datuk Mohd. Sarit Yusoh** berkata, penyelidikan pasaran lebih luas perlu dilaksanakan bagi menjadikan sektor pertanian sebagai sektor dinamik seperti yang digariskan di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJPK3).

Justeru, FAMA selaku agen pemasaran utama hasil pertanian di negara ini seharusnya memiliki rangkaian pemasarannya sendiri dan tidak hanya bergantung kepada pasar-pasar borong di seluruh negara atau menjadi orang tengah kepada pemasar lain, katanya.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan usul RRJPK3 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Menurut Mohd. Sarit, perancangan untuk menjadikan sektor pertanian sebagai satu sektor yang dinamik diusahakan secara komersial dan menjadikan Malaysia sebagai pusat makanan halal dunia,

adalah baik dan membanggakan.

“Tetapi hakikatnya sehingga kini kita belum lagi mampu mengeksport hasil pengeluaran pertanian malah jumlah import barangan seperti kopi, lada kering dan beras masih beratus-ratus juta ringgit,” katanya.

Penilaian semula, tambahnya, perlu dibuat bagi menyelesaikan masalah kemasukan barangan pertanian yang tinggi harganya dan masalah pemasaran yang belum tentu dapat diselesaikan.

Beliau turut mencadangkan agar satu skim penglibatan sektor swasta yang lebih menyeluruh dirangka bagi menggalakkan sektor itu menceburi bidang pertanian secara komersial dan moden.

Syarikat swasta yang memiliki sumber kewangan kukuh pula boleh dibantu dan digalakkan menceburkan diri dalam kegiatan pertanian di luar negara seperti Indonesia, Thailand dan Vietnam.

“Tidak mustahil syarikat Malaysia mengusahakan tanaman padi di Lembah Mekong atau ladang ternakan ayam di Indonesia,” katanya.